

25/06/2003

Pandangan mengenai Eropah bukan untuk raih populariti: Dr Mahathir

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan pandangan kritikalnya mengenai bangsa Eropah yang disuarakan pada Perhimpunan Agung

Umno minggu lalu, adalah fakta sejarah dan tiada kena mengena dengan usaha meraih populariti.

Perdana Menteri berkata, ketika bangsa Eropah boleh bersifat kritikal terhadap orang lain, mereka juga harus menerima pandangan kritikal orang lain terhadap apa yang mereka lakukan.

"Apa yang saya nyatakan adalah fakta. Bukan pandangan berat sebelah. Kita perlu tahu siapa mereka sebenar bagi menghadapi mereka. Mereka tidak akan menyatakan sesuatu mengenai diri mereka yang relevan kepada kita. Kita harus melakukannya.

"Mengenai populariti, saya sudah hendak bersara. Saya tidak lagi memerlukan populariti kerana selepas Oktober saya bukan lagi Perdana Menteri atau Presiden parti.

"Jadi kenapa harus saya bimbang sama ada saya popular atau tidak. Saya tidak popular dengan media Barat. Saya tidak bercadang melakukan sesuatu untuk menjadi popular dengan media Barat," katanya kepada pemberita selepas mengumumkan penyusunan semula Kabinet di Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas lidah pengarang akhbar Asian Wall Street Journal kelmarin yang membidas ucapannya dan disifatkan sebagai cubaan meningkatkan populariti selain menjejaskan usaha menangani keganasan dengan Amerika Syarikat.

Akhbar perniagaan yang beribu pejabat di Amerika Syarikat itu juga menyatakan bahawa Amerika sebagai satu-satunya kuasa yang dapat menerajui usaha menangani fanatik agama dan kaum.

Ini adalah akhbar sama yang baru-baru ini yang tersalah siar gambar Dr Mahathir dengan pengganas antarabangsa dan mengaku kesilapannya itu.

Perdana Menteri yakin pandangannya tidak akan menjejaskan pelaburan Barat ke negara ini kerana Malaysia selama ini sentiasa bersifat terbuka dan berusaha membantu pelabur asing.

"Pelabur asing terus datang ke negara ini selama ini walaupun saya kritikal terhadap negara mereka. Saya bukan menentang rakyat negara itu. Saya hanya menentang dasar negara yang menggugat kehidupan kita. Saya harus menyatakan perkara ini," katanya.

Mengenai pandangan akhbar itu bahawa kritikan terhadap Barat itu akan menjejaskan usaha menangani keganasan dengan Amerika Syarikat, Perdana Menteri berkata: "Kita boleh menghadapi keganasan di sini. Kita tidak perlu campur tangan (asing)."

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berharap ketua pembangkang Myanmar, Aung San Suu Kyi dibebaskan secepat mungkin oleh junta tentera negara itu.